

Sempena ulang tahun ke-84 Abdullah Ahmad Badawi

# Mengenang kisah intim, jasa terbilang Pak Lah

• Pak Lah mudah didekati dan mudah mesra walaupun kali pertama berjumpa, suka bersahabat serta bermasyarakat

• Pak Lah tidak suka perbuatan mengata, mencaci, menghina, mengutuk serta memburukkan orang lain



**Oleh Noraini Tahir**  
bhrencana@bh.com.my

Beberapa tahun kebelakangan, jarang sekali kita melihat Tun Abdullah Ahmad Badawi menghadiri majlis rasmi atau tidak rasmi, sesekali perkembangan terkini Perdana Menteri kelima itu diketahui melalui hantaran di media sosial dikongsi-kan individu terdekat.

Itupun bermusim, sama ada ketika Abdullah atau lebih mesra disapa Pak Lah bercuti bersama keluarga, Aidilfitri, Hari Bapa atau hari kelahiran beliau, iaitu pada hari ini yang tahun ini mencecah angka 84.

Sekurang-kurangnya majlis sedemikian dapat menceriaikan negarawan kelahiran 1939 dan semakin 'jauh' daripada khalayak, meninggalkan pelbagai kisah keperibadian dan kepemimpinannya, manakala kisah Pak Lah sebagai insan biasa tidak banyak diketahui umum.

Penulis teringat kisah agak lucu diceritakan pegawainya yang setiap pagi untuk mengelak Pak Lah lambat ke pejabat atau lokasi program, petugas di kediaman terpaksa menyembunyikan kucing peliharaan keluarga mengelak beliau terleka membelek dan mengusapnya.

Satu lagi kisah, jika memandu sendiri, Pak Lah gemar memandu laju dan kebanyakan keretanya bernombor pendaftaran 13, angka kegemaran beliau dan tarikh hari lahir anak bongsu, Nori. Seorang lagi anaknya ialah Kamaludin.

Banyak lagi kisah diceritakan bekas kakitangan atau sahabat Pak Lah, termasuk Datuk Jefridin. Atan mula berkhidmat sebagai setiausaha sulit pada 2000 sebelum dilantik Ahli Dewan Negara pada 2020 dan kini menerajui Pertubuhan Legasi Tun Abdullah Ahmad Badawi (LEGASI) ditubuhkan pada 2016.

Menurut Jefridin, Pak Lah mudah didekati dan mudah mesra walaupun kali pertama berjumpa, suka bersahabat serta bermasyarakat. Beliau sangat sukar melangkah meninggalkan program atau majlis kerana sedaya upaya berjumpa setiap jempunan dan ada sahaja topik dibualkan.

Ketika menjadi Perdana Menteri, terlalu ramai ingin mendampingi Pak Lah, termasuk yang menjauhkan diri ketika bekas Presiden UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) berada dalam gelap politik.

Sahabat bermusim atau muka-muka tanpa segan silu muncul kembali, diterima Pak Lah dengan tangan terbuka, diarinya penuh janji temu bersama pelbagai peringkat masyarakat, disusun Jefridin mengikut keutamaan dan kepentingan.

Majoriti datang membawa pelbagai cadangan atau kertas kerja, termasuk tetamu tidak membuat janji temu hingga Jefridin terpaksa 'menyembunyikan mereka' berikutan kekangan masa Pak Lah.

"Jangan sampai Tun nampak. Jika Tun nampak, beliau akan tanya 'Itu siapa? Panggil dia cepat'. Jadi kita sebagai pegawai serba salah. Kadang-kadang orang datang tanpa janji temu, jika Tun nampak, Tun akan jumpa juga.

"Jika terlalu lewat, janji temu disambung di rumah pula. Kerap berlaku hingga jam 2 atau 3 pagi, masih ada tetamu kerana Tun akan melayan setiap orang dan setiap perkara. Sebolehnya Tun tidak mahu mengecewakan orang, tak mahu mereka pulang tanpa bertemu beliau.

"Paling tidak pun, pegawai akan memastikan perkara mahu disampaikan tetamu sampai kepada orang dipertanggungjawabkan. Bagi Tun, setiap orang ingin berjumpa, tanpa mengira pangkat dan jawatan adalah tetamu istimewanya," imbau Jefridin.

Satu perkara Pak Lah paling tidak suka ialah perbuatan mengata, mencaci, menghina, mengutuk serta memburukkan orang lain, namun begitu, beliau tetap terus bersahabat.

Bekas Ahli Parlimen Kepala Batas ini juga tidak pernah memarahi sesiapa atau mengeluarkan kata-kata kesat, sebaliknya akan berjumpa, bersemuka dan berkongsi pandangannya sambil menegur penuh adab, mendengar semua pandangan dan cadangan serta bertanya adakah boleh dilaksanakan atau cara ingin dilaksana.

## Buat keputusan secara muafakat

Beliau percaya permuafakatan dalam membuat keputusan kerana hasil muafakat dan kerja bersama membolehkan banyak isu kecil ditangani memberi manfaat kepada rakyat.

Jasa Pak Lah ramai yang ingat seperti seorang lelaki usia 50-an muncul pada program Larian LEGASI 2019. Kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu menerpa dan bersalaman Pak Lah sebaik beliau keluar daripada kereta untuk sama-sama menyertai larian.

Dia memperkenalkan diri dan berterima kasih kepada Pak Lah kerana menaikkan gaji penjawat awam serta bayaran pencen pesara kerajaan.

Memegang tampuk pemerintahan negara pada 31 Oktober 2003 hingga 3 April 2009, antara slogan pentadbiran Pak Lah menarik perhatian ialah 'jangan bekerja untuk saya, tetapi bekerja bersama-sama saya'.

Ia antara inti pati ucapan keramatnya ketika mula-mula diangkat menjadi Perdana Menteri, mahu setiap golongan rakyat, pemimpin masyarakat dan politik bekerja bersama-sama beliau membangunkan negara.

Negarawan ini juga sinonim dengan slogan kepemimpinannya 'Cemerlang, Gemilang dan Terbilang', bertujuan menyuntik keyakinan dalam diri rakyat untuk menjadi bangsa boleh dan berupaya membawa negara ke tahap kegemilangan.

Mentaliti untuk sentiasa menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang seterusnya mendorong beliau memberi penekanan kepada pembangunan modal

insan antara teras utama Misi Nasional Negara.

Ketika mengambil alih tampuk pemerintahan negara, apa mengganggu fikiran Pak Lah ialah mentaliti rakyat Malaysia, malah beliau pernah mengeluarkan kenyataan 'kemudahan kelas pertama, tetapi mentaliti kelas ketiga'.

Bagi membangunkan mentaliti kelas ketiga agar sejajar dengan fasiliti kelas pertama, beliau memberi tumpuan pembangunan modal insan yang tidak boleh dinafikan kepentingannya dalam pentadbiran negara.

Pak Lah kemudian memperkenalkan gagasan Islam Hadhari kerana membangunkan manusia bukan sahaja dari segi ilmu, bahkan agama sebagai pegangan utama dalam pembangunan modal insan.

Pak Lah amat prihatin terhadap pembangunan individu kerana bagaimana maju pun negara, jika masyarakat tidak dapat dibangunkan, negara tidak akan ke mana.

Menerajui Malaysia, Pak Lah mendasari sesuatu perkara agar tidak jauh daripada Islam, memastikan bagaimana hebat pun perancangan dibuat, segala dasar mesti ada kaitan agama hingga beliau digelar *a muslim first, a politician second*.

Legasi Pak Lah berteraskan Islam diteruskan pelbagai program seperti forum dan persidangan dianjurkan LEGASI, di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Rata-rata program fokus kepada ketamadunan dan ekonomi Islam serta syariah dan pada setiap program, Pak Lah dijemput memberi ucapan atau tetamu khas.

Mereka pernah menemui atau mengenali Pak Lah sependapat beliau alim, berpegang kuat kepada ajaran Islam, sentiasa tersenyum dan mudah mesra,

punya tahap kesabaran tinggi tiada tolok bandingnya, pemaaf, tidak sombong, tidak angkuh, berkeperibadian mulia dan bukan pendendam.

Ia bukan dibuat-buat, tetapi sebatu dalam jiwanya dibesarkan dalam keluarga berpegang teguh kepada agama. Gelaran 'Mr Clean,' 'Mr Nice Guy' dan keramat hidup tidak datang tanpa bersebab, sebaliknya merumuskan keperibadian Bapa Pembangunan Modal Insan ini.

Kebelakangan ini, Pak Lah lebih banyak mengisi masa bersama keluarga di rumah kerana kekangan kesihatan. Mungkin masanya kini beliau mencari damai abadi seperti tajuk sajak nukilan sendiri enam bulan sebelum menggalas amanah besar selaku Perdana Menteri.

Sempena ulang tahun ke-84 pada 26 November ini, kita doakan Pak Lah sentiasa dalam rahmat dan kasih sayang Allah SWT, menemui apa dicarinya seperti bait-bait sajak 'Ku Cari Damai Abadi' itu.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH